



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | **JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI**

Tel: 603-88706439
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT(KPPT)1000/021/07 (10)

Tarikh : 10 Ogos 2020

**SEMUA NAIB CANSOLOR UNIVERSITI AWAM
SEMUA KETUA EKSEKUTIF IPTS**

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

**ISU PULANG KE KAMPUS BAGI PELAJAR IPT DARI DAERAH TERLIBAT
DENGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETAT
PENTADBIRAN DI NEGERI KEDAH DAN NEGERI BERHAMPIRAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagai mana YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, Mesyuarat Khas Menteri-Menteri mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 3 Ogos 2020 telah meluluskan permohonan Kerajaan Negeri Kedah bagi melaksanakan **Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat Pentadbiran (PKPD Pentadbiran)** di empat (4) mukim di Negeri Kedah yang bermula pada **3 Ogos sehingga 30 Ogos 2020**.

3. Penduduk di empat (4) mukim ini perlu menjalani kuarantin selama **28 hari** yang membabitkan **14 hari tempoh kuarantin** dan **14 hari tempoh pemerhatian** yang melibatkan empat (4) mukim dalam radius satu kilometer daripada Restoran Nasi Kandar Salleh, Pekan Napoh (Mukim Hosba, Kubang Pasu), Kampung Pida Satu, Megat Dewa (Mukim Ah, Kubang Pasu), Kampung Bendang Dalam (Mukim Binjal, Kubang Pasu), Kampung Ulu, Padang Sanai (Padang Terap). Hasil semakan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN), pihak MKN telah memaklumkan bahawa hanya aktiviti dalam kawasan empat (4) mukim ini sahaja yang tidak dibenarkan, manakala aktiviti di luar kawasan ini adalah dibenarkan.

4. Sehubungan dengan itu, IPT adalah **dibenarkan untuk menentukan kemasukan pelajar atau menangguhkan kemasukan pelajar** ke kampus masing-masing khususnya pelajar dari negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, ianya adalah tertakluk kepada keadaan semasa dan ketetapan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kerajaan Negeri berkaitan. Dalam hal ini, IPT adalah diingatkan untuk memastikan keselamatan pelajar terpelihara dan sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19 di IPT.


5. Bagi mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan boleh mempertimbang dan memberi kelonggaran kepada sebahagian warga untuk bekerja menggunakan waktu kerja fleksi dan sebahagian bekerja di rumah sama ada secara penggiliran atau sepenuh masa agar penggunaan sumber manusia adalah optimum. Selaras dengan itu, Kementerian berharap agar pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan dapat membuat perancangan teliti dan mengambil tindakan yang sewajarnya di institusi masing-masing. Pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan juga adalah dipohon untuk memaklumkan sebarang keputusan yang telah diambil berhubung perkara ini kepada pihak Kementerian.

5. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan mengenai perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DATO' SERI DR. MOHAMED MUSTAFA BIN ISHAK)

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi

s.k:

1. YB Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
2. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
3. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik & Pembangunan)
Jabatan Pendidikan Tinggi
4. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Penyelidikan &
Antarabangsa)
Jabatan Pendidikan Tinggi
5. Pengarah
Bahagian Governan IPTA
Jabatan Pendidikan Tinggi
6. Pengarah
Bahagian Education Malaysia
Jabatan Pendidikan Tinggi
7. Pengarah
Bahagian Kecemerlangan Akademik
Jabatan Pendidikan Tinggi
8. Pengarah
Bahagian Governan IPTS
Jabatan Pendidikan Tinggi
9. Pengarah
Bahagian Standard Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi